

27 NOV 1999

Mahathir-Pembangkok

PEMBANGKANG MALAYSIA TAK BERI SUMBANGAN, KATA MAHATHIR

BUKIT MERTA JAM, 27 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembangkang di negara ini tidak perlu diberi sokongan kerana mereka tidak bertindak sebagai pembangkang sebenar.

Perdana Menteri berkata, pembangkang seperti DAP dan Pas tidak pernah mengeluarkan pendapat dan pandangan yang bernas atau berguna untuk negara.

Mereka hanya tahu mengecam kerajaan, memaki hamun dan menuduh kerajaan melakukan pelbagai perkara yang tidak benar, katanya ketika berucap merasmikan Politeknik Seberang Perai di sini.

Beliau berkata, parti lawan seperti ini tidak berguna (untuk diberi sokongan) kerana mereka tidak memainkan peranan untuk kepentingan negara.

"Kita akui memang baik ada pembangkang (di Dewan Rakyat) kerana mereka boleh menegur serta mengkritik... tetapi bukan pembangkang yang ada yang terdapat di negara ini sekarang ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mendengar parti pembangkang mendakwa betapa pentingnya anggota pembangkang di Dewan Rakyat kerana jika mereka tiada, kerajaan akan melakukan sesuka hati.

Sebenarnya, kata beliau, dengan adanya majoriti dua per tiga wakil di Dewan Rakyat kerajaan boleh membuat sesuka hati tetapi kerajaan tidak berbuat demikian.

"Kita fikirkan kepentingan rakyat... Apa sahaja yang kita lakukan, ia adalah untuk kepentingan rakyat. Semua untuk rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu parti lawan yang menyokong kerajaan apabila ia membabitkan kepentingan negara dan untuk membantah apabila ada sesuatu yang merugikan negara dilakukan oleh kerajaan.

"Tetapi parti pembangkang ini tidak pernah membuat teguran yang bernas... mereka hanya menentang apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan. Tidak ada satupun yang dibuat kerajaan disokong mereka," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata, apabila kerajaan melaksanakan projek kereta nasional, Proton, ia dikatakan sebagai membazir dan apabila kerajaan melaksanakan projek penswastan ia dikatakan dilaksanakan untuk kroni kerajaan.

Perdana Menteri berkata, apabila pembangkang itu menentang apa sahaja yang dilakukan kerajaan, ia bermakna mereka bukan jenis pembangkang yang berguna bagi negara kita dan sebab itu kita tidak harus memberi sokongan kepada parti seperti DAP.

Sambil merujuk kepada Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dan Naib Pengerusi Karpal Singh, Dr Mahathir berkata kedua-dua tokoh DAP yang berada di Dewan Rakyat itu apabila bercakap, mereka bercakap dengan bengis sekali, semata-mata untuk menyakitkan hati.

Sambil itu, hujah mereka di Dewan Rakyat juga tidak boleh dipegang, katanya.

-- BERNAMA

AHM NMO